

**Pelan Bumiputera: Najib langgar dasarnya sendiri, kata DAP**  
**Malaysian Insider**  
**Sept 20 , 2013**

Agenda memperkasakan Bumiputra yang diumumkan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak bercangah dengan Program Transformasi Ekonomi (ETP) apabila ia mengalihkannya daripada diperkasakan oleh sektor swasta kepada transformasi yang dipimpin kerajaan.

Setiausaha Publisiti DAP, Tony Pua (gambar), berkata pelan Memperkasakan Ekonomi Bumiputera dibuat berdasarkan perspektif perkauman yang bertentangan dengan Model Ekonomi Baru dan Pelan Transformasi Nasional (ETP) yang mengajak kepada ketelusan dan akauntabiliti dalam pelaksanaan projek kerajaan.

Katanya, Najib juga mendedahkan siapa beliau sebenarnya apabila mencadangkan pelan Memperkasakan Ekonomi Bumiputera bernilai RM31 bilion itu dan cadangan bantuan untuk Utusan Malaysia.

Beliau berkata, dengan langkah ini Malaysia tidak lagi boleh lagi berharap bahawa Najib adalah seorang reformer.

"Dasar 1Malaysia beliau hanya mengarut dan tidak lebih dari usaha untuk memancing undi semasa pilihan raya umum lalu sahaja," katanya dalam kenyataannya hari ini.

Selain Pua, pelbagai pihak turut membantah pelan baru Najib kononnya untuk membantu golongan Bumiputera ini kerana bagi mereka ia hanya digunakan untuk membantu kroni mereka dalam Umno sahaja.

Bekas menteri Umno, Datuk Zaid Ibrahim berkata, pelan ini tidak akan berjaya kerana ia hanya akan membuatkan Melayu malas.

Zaid juga mendakwa, Umno bukan sahaja parti politik tetapi sebuah kelab ahli perniagaan.

Pakar ekonomi, Professor Emeritus Datuk Dr Mohamed Ariff berkata, kaum Melayu membentuk 80 peratus isi rumah yang berpendapatan kurang daripada RM2,000 sebulan. – 20 September, 2013.

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/najib-bukan-reformer-semuanya-untuk-pancing-undi-pru13>